



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 30 Jun 2005

Bilangan 1/2005

Ruj:UMS/PN2.1/P5/2 JLD 3

PELAKSANAAN LIMA HARI BEKERJA SEMINGGU

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan bagi melaksanakan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2005 mengenai Lima Hari Bekerja Seminggu bagi pekerja Universiti Malaysia Sabah.

LATAR BELAKANG

2. Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah bersetuju untuk melaksanakan Lima Hari Bekerja Seminggu di Universiti Malaysia Sabah sejajar dengan maksud melaksanakan hasrat kerajaan bagi menggalakkan budaya pembelajaran berterusan dan pembangunan diri sepanjang hayat.

PELAKSANAAN

3. Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu adalah dengan menggantikan masa kerja pada hari Sabtu kepada hari bekerja yang lain.

4. Dengan terlaksananya Pekeliling ini, maka Waktu Bekerja Pejabat bagi Pekerja Universiti Malaysia Sabah adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Waktu Bekerja Pejabat bagi Pekerja Universiti Malaysia Sabah

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin – Khamis	8.00pg - 1.00ptg	1.00ptg - 2.00ptg	2.00ptg - 5.00ptg
Jumaat	8.00pg – 11.30pg	11.30pg- 2.00ptg	2.00ptg - 5.00ptg

5. Bagi Pekerja Universiti yang bertugas di luar kawasan di Malaysia di mana hari Ahad merupakan Hari Rehat Mingguan, maka dengan pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu ini, Hari Rehat Mingguan bagi negeri berkenaan adalah pada hari Sabtu dan hari Ahad. Waktu Bekerja Pejabat untuk Lima Hari Bekerja Seminggu adalah seperti di **Jadual 1** di atas.

6. Sekiranya Pekerja berkenaan dikehendaki bertugas di mana-mana negeri di Malaysia yang mana hari Jumaat dan Sabtu merupakan Hari Rehat Mingguan, perkiraan Hari Rehat Mingguan bagi maksud perenggan ini adalah seperti berikut:

Contoh perkiraan:

Encik Ahmad, Pekerja di Universiti Malaysia Sabah, Beliau telah bekerja dari hari Isnin sehingga hari Jumaat di Kampus Induk. Pada hari Sabtu beliau telah berlepas ke Kelantan dan bertugas di sana pada hari Ahad sehingga hari Selasa. Beliau kembali ke ke Sabah pada hari Rabu. Mengikut perkiraan Lima Hari Bekerja seminggu, beliau layak 2 cuti ganti bagi iaitu pada hari Khamis dan Jumaat. Ini kerana beliau telah bekerja pada hari Sabtu (semasa berlepas ke Kelantan) dan pada hari Ahad. Hari Bekerja beliau akan kembali seperti biasa pada minggu berikutnya iaitu pada hari Isnin.

7. Walaubagaimanapun, sekiranya Waktu Bekerja Lima Hari Seminggu bagi negeri-negeri di bawah perenggan 6 diselaraskan dengan negeri-negeri di bawah perenggan 5, maka dengan sendirinya peruntukan pada perenggan 6 Pekeliling ini adalah terbatal.

8. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan dalam Waktu Bekerja Pejabat, Ketua Jabatan hendaklah membuat penyesuaian kepada Waktu Rehat Pegawai dengan syarat Waktu Bekerja diganti sepenuhnya.

9. Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu hanya terpakai kepada Pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat. Bagi Pegawai yang bekerja mengikut syif, Ketua Jabatan akan menimbangakan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan masing-masing.

10. Masa Bekerja Lima Hari Seminggu ini juga tidak terpakai kepada Guru¹. Ini bermakna Waktu Bekerja Pegawai berkenaan adalah selaras dengan jadual waktu yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik, Universiti Malaysia Sabah dan Jabatan masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2005.

“BERTEKAD CEMERLANG”

Yang Ikhlas,



HELA LADIN MOHD. DAHALAN
Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan)

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)

¹ Seksyen 2, Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah 1998- “guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan ini, dan termasuklah professor kanan, professor, professor madya, penolong professor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor.